

## Produk Ekopelancongan Negeri Pahang

Mashita Binti Haji Abdul Jabar

Faizan Binti Hj Abd Jabar

### ABSTRAK

Objektif utama kajian ialah untuk mengenalpasti kepelbagaian dan kesesuaian kawasan tarikan ekopelancongan khususnya di Negeri Pahang. Kaedah bagi mencapai objektif pada peringkat awal ini ialah dengan meneliti maklumat sekunder yang didapati daripada buku, artikel, brosur, buku laporan agensi kerajaan antaranya seperti Perbadanan Bukit Fraser, Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Pahang dan menyesuaikannya dengan konsep ekopelancongan. Hasil awal kajian mendapati bahawa kawasan ekopelancongan yang ditentukan oleh kerajaan negeri terhad dan hanya mengutamakan kawasan hutan dan air sahaja.

**Kata Kunci:** ekopelancongan, hutan lipur, aktiviti

### Pengenalan

Eko-pelancongan merupakan salah satu pelancongan yang mempunyai keseimbangan dari sudut ekonomi, alam sekitar dan sosial. Ia merupakan alternatif kepada mengurangkan impak negatif pelancongan massa. Pelancongan massa sering mengakibatkan impak negatif kepada kawasan tarikan dan penduduk sekitarnya seperti kebocoran ekonomi, pencemaran alam dan habitat, ketidak harmonian komuniti tempatan dan sebagainya. Justeru, eko-pelancongan dibangunkan sebagai pilihan untuk mencapai kelestarian.

Takrifan 'eko-pelancongan' telah diperdebatkan semenjak tahun 1990an lagi. Walaupun tiada kata sepakat mengenai takrifan sebenar eko-pelancongan tetapi kajian lepas menunjukkan bahawa para sarjana bersependapat mengatakan takrifan eko-pelancongan harus mencakupi tiga (3) elemen seperti yang dinyatakan oleh (Weaver dan Lawton, 2007) iaitu:

1. Tarikan seharusnya berunsurkan alam tabii
2. Interaksi antara pelancong/pengunjung dengan kawasan tarikan harus bertumpu kepada aspek pendidikan dan pembelajaran
3. Pengurusan produk dan pengalaman pelancong harus mengikut prinsip dan amalan lestari (ekonomi, ekologi dan sosiobudaya).

Bagi kenyataan ke-tiga, pengurusan produk boleh diinterpretasikan sebagai pengurusan kawasan tarikan termasuk juga melibatkan komuniti tempatan. Ini adalah kerana komuniti tempatan mempunyai dua fungsi. Pertama, mereka sebagai produk mempamerkan budaya dan cara hidup. (D.J Timothy, 2003) menegaskan komuniti tempatan adalah penting kerana mereka ialah sebahagian daripada produk pelancongan. Keduaanya, mereka sebagai penggerak kepada pembangunan eko-pelancongan bagi mencapai keseimbangan dari segi ekonomi, ekologi dan sosiobudaya.

Selain daripada ciri eko-pelancongan dibezakan daripada sudut kawasan tarikan, elemen pendidikan dan pengurusan kelestarian ia juga boleh dibezakan daripada sudut pelancong itu sendiri. (Hvenegaard, 1998) berpendapat faktor yang membezakan eko-pelancongan dengan pelancongan lain dapat juga dikaji daripada aspek pelancong iaitu jenis pelancong berdasarkan aktiviti yang dijalankan, dorongan dan sikap pelancong, dan kawasan tarikan yang dilawati mereka. Mereka juga mengatakan bahawa kajian terhadap ciri-ciri sosiodemografi pelancong eko-pelancongan dapat membantu memperbaiki usaha pemasaran dan pengurusan eko-pelancongan.

Selain daripada itu, para sarjana eko-pelancongan juga membincangkan konsep eko-pelancongan sebagai 'soft' dan 'hard' yang memfokuskan kepada aktiviti pelancong eko-pelancongan. (Weaver, 2005) menyatakan aktiviti 'soft' melibatkan kumpulan dalam bilangan besar dimana mereka melawat dalam jangka masa pendek dan melawat kawasan tersebut dengan pelbagai tujuan. Lawatan mereka itu juga dibuat melalui industri formal. Interaksi lawatan adalah minima dengan interpretasi formal. Manakala, aktiviti 'Hard' pula menjurus kepada kumpulan kecil yang menginginkan kesedaran tentang alam sekitar, lawatan dibuat ke kawasan hutan dimana kemudahan adalah terhad. Mereka yang tergolong dalam aktiviti 'hard' melakukan aktiviti lasak dan mencabar yang khusus, jangkamasa lawatan adalah panjang, interaksi berlaku secara mendalam dengan alam sekitar.


Justeru, objektif kajian ini adalah untuk menganalisa tarikan eko-pelancongan di Malaysia khususnya negeri Pahang bagi memenuhi objektif utama kajian iaitu mengenalpasti kepelbagaian dan kesesuaiannya. Kertas ini akan melaporkan penemuan awal sebahagian daripada kerja kajian.

## Kaedah

Maklumat mengenai eko-pelancongan di Pahang didapati sumber sekunder seperti daripada buku, artikel, dan brosur dengan mengunjungi:

- Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser (PKBF) – brosur dan statistik kedatangan pelancong mengikut daerah di Pahang
- Majlis Tindakan Pelancongan Negeri – Brosur kawasan tarikan pelancongan
- Majlis Perbandaran Temerloh –Maklumat mengenai kawasan pelancongan dan peta
- Jabatan Hutan Negeri – kawasan hutan lipur Negeri Pahang

Di samping itu, lawatan tapak ke dua kawasan ekopelancongan dibuat bagi mendapatkan gambaran awal. Bagi kajian awal ini, kawasan ekopelancongan akan dilihat daripada perspektif kerangka ekopelancongan yang disesuaikan daripada (Tsaur, 2006) digunakan seperti berikut:- (*rujuk Lampiran 1*)



Sumber : (Tsaur, 2006)

**Rajah 1: Kerangka Ekopelancongan**

## Hasil

### SUMBERJAYA DAN TARIKAN NEGERI PAHANG

Negeri Pahang mempunyai 54 tempat tarikan yang mana 27 daripadanya adalah bertaraf antarabangsa. Maklumat daripada brosur, dan laporan kerajaan Negeri Pahang didapati mengelaskan sumberjaya dan tarikan utama Negeri Pahang kepada 3 zon iaitu (*peta Lampiran 2*) :

1. Zon Tanah Tinggi
2. Zon Pesisiran Pantai
3. Zon Ekopelancongan

Zon Tanah Tinggi merangkumi kawasan tanah tinggi di sebelah barat Negeri Pahang bermula dari Cameron Highlands, Lipis, Raub sehinggalah ke Daerah Bentong. Tiga buah tanah tinggi utama yang terkenal di Malaysia iaitu Genting Highlands, Cameron Highlands dan Bukit Fraser.

Ciri tarikan utama bagi tiga kawasan tersebut diringkaskan seperti di bawah:-

<b>Bil</b>	<b>Tempat</b>
1.	Tanah Tinggi Cameron
2.	Tanah Tinggi Fraser
3.	Tanah Tinggi Genting
4.	Bukit Tinggi
5.	Air Terjun Chamang
6.	Lata Lembik
7.	Janda Baik
8.	Hutan Lipur Lentang
9.	Kolam Air Panas Bentong

### **Rajah 2: Zon Tanah Tinggi Negeri Pahang**

Zon Pesisir Pantai merangkumi 23 buah kawasan terutamanya pantai perangan dan diringkaskan seperti di bawah:-

<b>Daerah</b>	<b>Tempat Tarikan</b>
Kuantan	Bandar Kuantan Pantai Cherating Pantai Teluk Chempedak Pantai Chendor Pantai Balok Pantai Batu Hitam Pantai Beserah Pantai Sepat Sg. Kuantan Pusat Perlindungan Penyu Muzium Sg. Lembing Gua Charas Gunung Tapis Agro Resort Sg. Semuji Taman Pertanian Jubli Perak Air Terjun Sg. Pandan
Rompin	Pantai Lanjut Pantai Hiburan Pulau Tioman
Pekan	Muzium Negeri Kampung Budaya Pulau Keladi Ladang Burung Unta Pantai Nenasi

### **Rajah 3: Zon Pesisir Pantai Negeri Pahang**

Manakala, Zon Ekopelancongan umumnya meliputi kawasan-kawasan hutan yang kaya dengan flora dan fauna serta badan air utama di Pahang. Ringkasannya adalah seperti di bawah:-

Daerah	Tempat Tarikan
Jerantut	Taman Negara (Kuala Tahan) Tekam Plantation Resort Gua Kota Gelanggi
Kuala Lipis	Taman Negara (Sg Relau) Taman Rimba Kenong Empang Jaleh Kemahang
Raub	Jeram Besu Lata Jarum Lata Berembun Gunung Benom
Kuantan	Tasik Paya Bungor
Maran	Hutan Lipur Teladas
Temerloh	Pusat Pemuliharaan Gajah Pusat Perlindungan Seladang Gunung Senyum Hidupan Liar Krau
Rompin	Taman Negeri Endau-Rompin Bukit Ibam
Pekan	Tasik Chini
Bera	Tasik Bera

#### Rajah 4: Zon Ekopelancongan Negeri Pahang

Pembahagian tarikan pelancongan yang dibuat oleh kerajaan negeri didapati lebih terarah kepada pembahagian mengikut bentuk mukabumi seperti tanah tinggi, persisiran pantai dan kawasan hutan. Manakala, Zon Ekopelancongan dikelaskan mengikut teras alam tabii utama seperti sumber hutan dan air.

Selain daripada itu, terdapat juga dua (2) tempat tarikan yang digolongkan dalam Zon Ekopelancongan berasaskan pemuliharaan haiwan seperti seladang dan gajah dan satu tarikan berasaskan gua seperti Gua Kota Gelanggi. Walaubagaimanapun pada dasarnya pengertian eko-pelancongan adalah tidak terhad kepada satu elemen sahaja seperti alam tabii.

Justeru, penyusunan semula pengkelasan kepelbagaian kawasan tarikan ekopelancongan boleh dibuat berdasarkan lokasi sumberjaya alam tabii, aktiviti utama 'hard and soft' dan elemen pendidikan seperti berikut:-

BIL.	CIRI AKTIVITI	TEMPAT
	<b>Aktiviti 'Soft'/Santai</b>	
1.	Lawatan Kebun/Ladang	Tanah Tinggi Cameron Tekam Plantation Resort
2.	Lawatan Kampung Orang Asli	Taman Negara dan Taman Negeri Tasik Cini Tasik Bera
3.	Memerhati burung	Bukit Fraser Kuala Lipis Taman Rimba Kenong Taman Negara dan Taman Negeri
4.	Bersampan / Kayak	Tasik Chini Tasik Bera Tasik Paya Bungor Jeram Besu
5.	Berkelah	Kawasan pantai peranginan Air Terjun Chamang Air Terjun Teladas Air Terjun Lentang Air Terjun Berkelah Air Terjun Pandan Lata Lembik Lata Berembun Lata Jarum
6.	Kegiatan Pemuliharaan	Kemahang Wildlife Sanctuary Pusat Pemuliharaan Gajah Pusat Perlindungan Seladang The Deerland Sanctuary Hidupan Liar Krau Pusat Perlindungan Penyu Tasik Bera
7.	Nature walk	Hutan Lipur, Taman Negara dan Taman Negeri, Bukit Fraser Janda Baik Taman Rimba Kenong
	<b>Aktiviti 'Hard'/Lasak</b>	
8.	Mendaki	Gunung Tahan, Gunung Benom, Gunung Senyum Gunung Tapis Taman Rimba Kenong
9.	Eksplorasi gua	Gua Charah Gunung Senyum Gua Kota Gelanggi Taman Rimba Kenong
10.	Jungle Trekking	Hutan Lipur Taman Negara dan Taman Negeri Taman Rimba Kenong
11.	Berakit air deras	Jeram Besu

**Rajah 5: Klasifikasi Tarikan Ekopelancongan Mengikut Aktiviti**

Pengkelasan mengikut tarikan sumberjaya alam tabii seperti berikut:

TARIKAN SUMBERJAYA	NAMA TEMPAT TARIKAN
Tanah Tinggi	Tanah Tinggi Cameron Tanah Tinggi Fraser Tanah Tinggi Genting Bukit Tinggi Janda Baik
Pantai dan Pulau	Pantai Cherating Pantai Teluk Chempedak Pantai Chendor Pantai Balok Pantai Batu Hitam Pantai Beserah Pantai Sepat Pulau Tioman
Air	Jeram Besu Lata Jarum Lata Berembun Empang Jaleh Tasik Paya Bungor Air Terjun Chamang Lata Lembik Hutan Lipur Lentang Air Terjun Berkelah Air Terjun Pandan Lata Berembun Lata Jarum
Tasik	Tasik Bera Tasik Chini
Gunung	Gunung Tahan, Gunung Benom, Gunung Senyum Gunung Tapis
Hutan	Hutan Lipur Bekelah Hutan Lipur Bukit Pelindung Hutan Lipur Jeram Nusa Hutan Lipur Kemasul Hutan Lipur Lata Jarum Hutan Lipur Lentang Hutan Lipur Parit Falls Hutan Lipur Som Hutan Lipur Sg Chamang Hutan Lipur Terunggun Hutan Lipur Ulu Tembeling Taman Rimba Kenong Hutan Lipur Bukit Bertangga Hutan Lipur Gunung Senyum Hutan Lipur Jerangkang Hutan Lipur Konifer Hutan Lipur Lata Meraung Hutan Lipur MENCHALI Hutan Lipur Paya Pasir Hutan Lipur Sungai Pandan Hutan Lipur Teladas Hutan Lipur Ulu Jerangsang Taman Negeri Endau-Rompin

Rajah 6: Klasifikasi tarikan ekopelancongan mengikut sumberjaya alam tabii

Pengelompokan tempat tarikan ekopelancongan mengutamakan elemen pendidikan seperti berikut:-

ELEMEN PENDIDIKAN	TEMPAT
Pemuliharaan	Kemahang Wildlife Sanctuary Pusat Pemuliharaan Gajah Pusat Perlindungan Seladang The Deerland Sanctuary Hidupan Liar Krau Pusat Perlindungan Penyu
Flora dan Fauna	Taman Negara dan Taman Negeri Hutan Lipur Tasik Bera Cameron Highlands
Kebudayaan Kebudayaan Melayu - batik Kampung Orang Asli	Pantai Cherating Tasik Chini Tasik Bera Tekam Plantation Resort Taman Negara dan Taman Negeri

**Rajah 7: Klasifikasi tarikan ekopelancongan mengikut elemen pendidikan**

## Perbincangan

Pembahagian zon yang tidak mengikut konsep ekopelancongan akan menyebabkan kekeliruan serta boleh merugikan kerajaan negeri. Jika tarikan ekopelancongan dikategorikan mengikut konsep yang sebenar, ini membantu dalam usaha kerajaan negeri untuk merancang dan mengstruktur pelan ekopelancongan yang lebih selesa pada masa akan datang.

Daripada maklumat awal yang diperolehi setakat ini, kepelbagaian eko-pelancongan di Negeri Pahang boleh dikelaskan cara mudah mengikut kategori aktiviti, tarikan sumberjaya alam tabii dan elemen pendidikan. Secara tidak langsung dengan pengelasan cara mudah ini, membantu mengklasifikasikan sumberjaya berdasarkan konsep ekopelancongan yang dibincangkan dimana antara ciri-ciri ekopelancongan antaranya haruslah berteraskan alam tabii, juga mempunyai elemen pendidikan. Kategori ekopelancongan ini juga bersandar kepada pendapat (Hvenegaard, 1998) bahawa perbezaan ekopelancongan dengan pelancongan yang lain boleh dikaji daripada aspek pelancong, secara spesifiknya aktiviti yang dilakukan oleh pelancong tersebut.

## Penghargaan

Seinfiniti penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof. Emeritus Dato' Dr. Abdul Samad Hadi dan Dato' Shahrudin B. Mohamad Ismail selaku penyelia kajian yang terlalu banyak membantu dan membimbing. Terima kasih juga kepada agensi kerajaan seperti PKBF, MTPN Pahang, Majlis Perbandaran Temerloh dan semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyumbang kepada kajian ini.



## Rujukan

- D.J Timothy, C.Tosun. 2003. *Appropriate Planning for Tourism in Destination Communities: Participation, Incremental Growth and Collaboration*. Edited by D. J. T. S. Singh, R.K. Dowling, *Tourism in Destination Communities*. UK: CABI.
- Hvenegaard, Glen T., and Philip Dearden. 1998. Ecotourism versus tourism in a Thai National Park. *Annals of Tourism Research* 25 (3):700-720.
- Jabatan Perancangan Bandar & Desa Negeri Pahang. *Rancangan Struktur Negeri Pahang 2002-2020* (atas talian) <http://jpbd.pahang.gov.my/pdf/rsn.pdf> (13 Oktober 2011)
- Tsaur, Sheng-Hshiung, Yu-Chiang Lin, and Jo-Hui Lin. 2006. Evaluating Ecotourism Sustainability from the Integrated Perspective of Resource, Community and Tourism. *Tourism Management* 27:640-653.
- Weaver, David B. 2005. Comprehensive and Minimalist Dimensions of Ecotourism. *Annals of Tourism Research* 32 (2):439-455.
- Weaver, David B, and Laura J. Lawton. 2007. Twenty Years on: The state of contemporary ecotourism research. *Tourism Management* 28:1168-1179.

---

MASHITA ABD JABAR, Fakulti Pengurusan Hotel dan Perlancongan, UiTM Melaka, [mashita@melaka.uitm.edu.my](mailto:mashita@melaka.uitm.edu.my)

FAIZAN ABD JABAR, Fakulti Pengurusan Perniagaan, UiTM Pahang, [faizan@pahang.uitm.edu.my](mailto:faizan@pahang.uitm.edu.my)



**LAMPIRAN 1: Penunjuk Bagi Mengukur Kelestarian Ecopelancongan**

Penunjuk yang digunakan untuk mengukur kelestarian adalah seperti di bawah:-


Aspek hubungkait	Dimensi	Diskripsi Penunjuk
Sumberjaya Komuniti	Masyarakat	<p>Kehidupan komuniti tempatan terganggu apabila kawasan lindungan diwujudkan.</p> <p>Kawasan lindungan memberi komuniti tempatan peluang dan pengetahuan alam sekitar</p> <p>Kawasan lindungan meningkatkan kesedaran komuniti tentang alam sekitar</p> <p>Interaksi yang bagus antara sumberjaya dan komuniti</p> <p>Kawasan lindungan memberi faedah ekonomi kepada komuniti</p>
	Alam sekitar	<p>Pemuliharaan alam tabii</p> <p>Menyediakan hasil yang terjamin (pertanian, memancing, memburu dsbnya)</p> <p>Meningkatkan kehidupan yang berkualiti bagi komuniti</p>
Komuniti Sumberjaya	Masyarakat	<p>Sokongan komuniti terhadap pemuliharaan sumberjaya</p> <p>Komuniti melibatkan diri dalam pengurusan dan perancangan sumberjaya.</p> <p>Komuniti terlibat dalam perkhidmatan interpretasi sumberjaya</p>

Aspek hubungkait	Dimensi	Diskripsi Penunjuk
Komuniti Sumberjaya	Alam sekitar	<p>Komuniti tempatan mengganggu sumberjaya di kawasan lindungan</p> <p>Tekanan ke atas kawasan lindungan kerana komuniti mengeksploitasi sumberjaya</p> <p>Tekanan kerana pembangunan yang dibuat oleh komuniti</p> <p>Pencemaran alam tabii oleh komuniti kepada kawasan lindungan</p> <p>Aktiviti kelangsungan hidup komuniti menjadi ancaman kepada ekosistem kawasan lindungan</p>
Sumberjaya Pelancongan	Masyarakat	<p>Kawasan lindungan memberi pengetahuan kepada pelancong</p> <p>Kawasan lindungan menyediakan cukup kemudahan interpretasi</p> <p>Kawasan lindungan menyediakan kemudahan interpretasi yang mudah difahami</p> <p>Kepuasan pelancong dengan kemudahan interpretasi</p> <p>Kepuasan pelancong dengan perkhidmatan interpretasi</p> <p>Meningkatkan kesedaran kepentingan alam sekitar dikalangan pelancong</p> <p>Menyediakan pengalaman yang cemerlang tentang alam tabii dan kemanusiaan</p>
Aspek hubungkait	Dimensi	Diskripsi Penunjuk
Sumberjaya Pelancongan	<p>Masyarakat</p> <p>Alam sekitar</p>	<p>Kawasan lindungan member pengetahuan dan pengalaman alam sekitar yang cemerlang</p> <p>Pelancong berpuashati dengan keseluruhan kualiti rekreasi</p> <p>Tarikan di kawasan lindungan menyemarakkan rasa menghargai alam tabii</p> <p>Tarikan di kawasan lindungan dapat menarik perhatian pengunjung</p>

<p>Pelancongan Sumberjaya</p>	<p>Ekonomi</p> <p>Masyarakat</p> <p>Alam sekitar</p>	<p>Menjana pendapatan bagi pemuliharaan</p> <p>Pelancong terlibat dalam aktiviti pemuliharaan</p> <p>Melebihi kapasiti semasa musim puncak</p> <p>Memusnahkan kualiti alam sekitar</p>
<p>Komuniti Pelancongan</p>	<p>Masyarakat</p>	<p>Komuniti tempatan membuka peluang pengalaman kepada pelancong</p> <p>Memberi pelbagai pengalaman kebudayaan</p> <p>Menyediakan peluang bertukar kebudayaan</p> <p>Interaksi yang baik antara komuniti tempatan dan pelancong</p>
<p><b>Aspek hubungkait</b></p>	<p><b>Dimensi</b></p>	<p><b>Diskripsi Penunjuk</b></p>
<p>Pelancongan Komuniti</p>	<p>Ekonomi</p> <p>Masyarakat</p> <p>Alam sekitar</p>	<p>Komuniti berkongsi agihan pendapatan hasil pelancongan</p> <p>Meningkatkan pembinaan infrastruktur wilayah tempatan</p> <p>Menjana pendapatan yang sesuai</p> <p>Mewujudkan peluang pekerjaan</p> <p>Kebanyakan pekerjaan berkaitan pelancongan disandang oleh komuniti tempatan</p> <p>Menggalakkan kebajikan sosial (kesihatan dan tahap pendidikan)</p> <p>Kesesakkan berlaku pada kehidupan seharian komuniti diwaktu puncak seperti kesesakkan trafik</p> <p>Memusnahkan keselamatan awam</p> <p>Menyebabkan kehilangan kebudayaan tradisional</p> <p>Kepuasan komuniti tempatan terhadap pembangunan pelancongan</p> <p>Pencemaran alam sekitar tempatan</p>

Sumber: (Tsaur, 2006)

### Lampiran 2: Peta Zon Pelancongan Negeri Pahang



**RANCANGAN STRUKTUR NEGERI PAHANG**      **PETA 7**      **CADANGAN ZON PELANCONGAN**      **RANCANGAN NEGERI**

<p>Pusat Perempatan Utama</p> <p>Landsan Keretapi</p> <p>Lebuhraya</p> <p>Jalan Persekutuan</p> <p>Jalan Negeri</p> <p>Sempadan Negeri</p> <p>Sempadan Daerah</p> <p>Taman Negara / Negeri</p> <p>Zon Pelancongan Tanah Tinggi</p> <p>Zon Pelancongan Perisiran Pantai</p>	<p>Taman Laut</p> <p>Warisan Budaya</p> <p>Semulajadi</p> <p>Buatan Manusia</p> <p>Sungai</p>	<p><b>Lokasi Pelancongan</b></p> <table border="1"> <tr> <td>1. Taman Negara Merapoh</td> <td>15. Pusat Pemuliharaan Gajah</td> <td>28. Pantai Chendor</td> </tr> <tr> <td>2. Taman Rimba Kenong</td> <td>16. Pusat Pembiakan Seladang</td> <td>39. Santuari Penyuk</td> </tr> <tr> <td>3. Taman Negara</td> <td>17. Gunung Senyum</td> <td>30. Pantai Sg. Ukar</td> </tr> <tr> <td>4. Gua Kota Gelanggi</td> <td>18. Tasik Bera</td> <td>31. Pantai Cherating</td> </tr> <tr> <td>5. Tekam Plantation</td> <td>19. Hutan Lipur Teladas</td> <td>32. Pantai Balok</td> </tr> <tr> <td>6. Jeram Besu</td> <td>20. Taman Negeri Endau Rompin</td> <td>33. Pantai Batu Hitam</td> </tr> <tr> <td>7. Lata Lembik</td> <td>21. Pantai Lanjut</td> <td>34. Pantai Besaroh</td> </tr> <tr> <td>8. Bukit Fraser</td> <td>22. Tasik Chini</td> <td>35. Teluk Cempedak</td> </tr> <tr> <td>9. Air Terjun Chamang</td> <td>23. Masjid Negeri Pekan</td> <td>36. Taman Peringatan Jubli Perak Sultan Ahmad Shah</td> </tr> <tr> <td>10. Kalam Air Panas</td> <td>24. Agro Resort Sg. Semuji</td> <td>37. Pantai Sepat</td> </tr> <tr> <td>11. Genting Highlands</td> <td>25. Air Terjun Sg. Pandan</td> <td>38. Pulau Tioman</td> </tr> <tr> <td>12. Bukit Tinggi</td> <td>26. Masjid Persembongan Sg. Lembing</td> <td>39. Empangan Jaleh</td> </tr> <tr> <td>13. Janda Baik</td> <td>27. Gua Charah</td> <td>40. Mossy Forest</td> </tr> </table>	1. Taman Negara Merapoh	15. Pusat Pemuliharaan Gajah	28. Pantai Chendor	2. Taman Rimba Kenong	16. Pusat Pembiakan Seladang	39. Santuari Penyuk	3. Taman Negara	17. Gunung Senyum	30. Pantai Sg. Ukar	4. Gua Kota Gelanggi	18. Tasik Bera	31. Pantai Cherating	5. Tekam Plantation	19. Hutan Lipur Teladas	32. Pantai Balok	6. Jeram Besu	20. Taman Negeri Endau Rompin	33. Pantai Batu Hitam	7. Lata Lembik	21. Pantai Lanjut	34. Pantai Besaroh	8. Bukit Fraser	22. Tasik Chini	35. Teluk Cempedak	9. Air Terjun Chamang	23. Masjid Negeri Pekan	36. Taman Peringatan Jubli Perak Sultan Ahmad Shah	10. Kalam Air Panas	24. Agro Resort Sg. Semuji	37. Pantai Sepat	11. Genting Highlands	25. Air Terjun Sg. Pandan	38. Pulau Tioman	12. Bukit Tinggi	26. Masjid Persembongan Sg. Lembing	39. Empangan Jaleh	13. Janda Baik	27. Gua Charah	40. Mossy Forest	<p><b>PETUNJUK</b></p> <p>● Pusat</p> <p>Landan Keretapi</p> <p>Lebuhraya</p> <p>Jalan Persekutuan</p> <p>Jalan Negeri</p> <p>Sempadan Negeri</p> <p>Sempadan Daerah</p> <p>Taman Negara / Negeri</p> <p>Zon Pelancongan Tanah Tinggi</p> <p>Zon Pelancongan Perisiran Pantai</p>
1. Taman Negara Merapoh	15. Pusat Pemuliharaan Gajah	28. Pantai Chendor																																								
2. Taman Rimba Kenong	16. Pusat Pembiakan Seladang	39. Santuari Penyuk																																								
3. Taman Negara	17. Gunung Senyum	30. Pantai Sg. Ukar																																								
4. Gua Kota Gelanggi	18. Tasik Bera	31. Pantai Cherating																																								
5. Tekam Plantation	19. Hutan Lipur Teladas	32. Pantai Balok																																								
6. Jeram Besu	20. Taman Negeri Endau Rompin	33. Pantai Batu Hitam																																								
7. Lata Lembik	21. Pantai Lanjut	34. Pantai Besaroh																																								
8. Bukit Fraser	22. Tasik Chini	35. Teluk Cempedak																																								
9. Air Terjun Chamang	23. Masjid Negeri Pekan	36. Taman Peringatan Jubli Perak Sultan Ahmad Shah																																								
10. Kalam Air Panas	24. Agro Resort Sg. Semuji	37. Pantai Sepat																																								
11. Genting Highlands	25. Air Terjun Sg. Pandan	38. Pulau Tioman																																								
12. Bukit Tinggi	26. Masjid Persembongan Sg. Lembing	39. Empangan Jaleh																																								
13. Janda Baik	27. Gua Charah	40. Mossy Forest																																								

<p>● Pusat Perempatan Utama</p> <p>Landasan Keretapi</p> <p>Lebuhraya</p> <p>Jalan Persekutuan</p> <p>Jalan Negeri</p> <p>Sempadan Negeri</p> <p>Sempadan Daerah</p> <p>Taman Negara / Negeri</p> <p>Zon Pelancongan Tanah Tinggi</p> <p>Zon Pelancongan Perisiran Pantai</p>	<p>Taman Laut</p> <p>Warisan Budaya</p> <p>Semulajadi</p> <p>Buatan Manusia</p> <p>Sungai</p>	<p><b>Lokasi Pelancongan</b></p> <table border="1"> <tr> <td>1. Taman Negara Merapoh</td> <td>15. Pusat Pemuliharaan Gajah</td> <td>29. Pantai Chendor</td> </tr> <tr> <td>2. Taman Rimba Kenong</td> <td>16. Pusat Pembiakan Seladang</td> <td>39. Santuari Penyuk</td> </tr> <tr> <td>3. Taman Negara</td> <td>17. Gunung Senyum</td> <td>30. Pantai Sg. Ukar</td> </tr> <tr> <td>4. Gua Kota Gelanggi</td> <td>18. Tasik Bera</td> <td>31. Pantai Cherating</td> </tr> <tr> <td>5. Tekam Plantation</td> <td>19. Hutan Lipur Teladas</td> <td>32. Pantai Balok</td> </tr> <tr> <td>6. Jeram Besu</td> <td>20. Taman Negeri Endau Rompin</td> <td>33. Pantai Batu Hitam</td> </tr> <tr> <td>7. Lata Lembik</td> <td>21. Pantai Lanjut</td> <td>34. Pantai Besaroh</td> </tr> <tr> <td>8. Bukit Fraser</td> <td>22. Tasik Chini</td> <td>35. Teluk Cempedak</td> </tr> <tr> <td>9. Air Terjun Chamang</td> <td>23. Masjid Negeri Pekan</td> <td>36. Taman Peringatan Jubli Perak Sultan Ahmad Shah</td> </tr> <tr> <td>10. Kalam Air Panas</td> <td>24. Agro Resort Sg. Semuji</td> <td>37. Pantai Sepat</td> </tr> <tr> <td>11. Genting Highlands</td> <td>25. Air Terjun Sg. Pandan</td> <td>38. Pulau Tioman</td> </tr> <tr> <td>12. Bukit Tinggi</td> <td>26. Masjid Persembongan Sg. Lembing</td> <td>39. Empangan Jaleh</td> </tr> <tr> <td>13. Janda Baik</td> <td>27. Gua Charah</td> <td>40. Mossy Forest</td> </tr> </table>	1. Taman Negara Merapoh	15. Pusat Pemuliharaan Gajah	29. Pantai Chendor	2. Taman Rimba Kenong	16. Pusat Pembiakan Seladang	39. Santuari Penyuk	3. Taman Negara	17. Gunung Senyum	30. Pantai Sg. Ukar	4. Gua Kota Gelanggi	18. Tasik Bera	31. Pantai Cherating	5. Tekam Plantation	19. Hutan Lipur Teladas	32. Pantai Balok	6. Jeram Besu	20. Taman Negeri Endau Rompin	33. Pantai Batu Hitam	7. Lata Lembik	21. Pantai Lanjut	34. Pantai Besaroh	8. Bukit Fraser	22. Tasik Chini	35. Teluk Cempedak	9. Air Terjun Chamang	23. Masjid Negeri Pekan	36. Taman Peringatan Jubli Perak Sultan Ahmad Shah	10. Kalam Air Panas	24. Agro Resort Sg. Semuji	37. Pantai Sepat	11. Genting Highlands	25. Air Terjun Sg. Pandan	38. Pulau Tioman	12. Bukit Tinggi	26. Masjid Persembongan Sg. Lembing	39. Empangan Jaleh	13. Janda Baik	27. Gua Charah	40. Mossy Forest	<p><b>PETUNJUK</b></p> <p>● Pusat</p> <p>Landan Keretapi</p> <p>Lebuhraya</p> <p>Jalan Persekutuan</p> <p>Jalan Negeri</p> <p>Sempadan Negeri</p> <p>Sempadan Daerah</p> <p>Taman Negara / Negeri</p> <p>Zon Pelancongan Tanah Tinggi</p> <p>Zon Pelancongan Perisiran Pantai</p>
1. Taman Negara Merapoh	15. Pusat Pemuliharaan Gajah	29. Pantai Chendor																																								
2. Taman Rimba Kenong	16. Pusat Pembiakan Seladang	39. Santuari Penyuk																																								
3. Taman Negara	17. Gunung Senyum	30. Pantai Sg. Ukar																																								
4. Gua Kota Gelanggi	18. Tasik Bera	31. Pantai Cherating																																								
5. Tekam Plantation	19. Hutan Lipur Teladas	32. Pantai Balok																																								
6. Jeram Besu	20. Taman Negeri Endau Rompin	33. Pantai Batu Hitam																																								
7. Lata Lembik	21. Pantai Lanjut	34. Pantai Besaroh																																								
8. Bukit Fraser	22. Tasik Chini	35. Teluk Cempedak																																								
9. Air Terjun Chamang	23. Masjid Negeri Pekan	36. Taman Peringatan Jubli Perak Sultan Ahmad Shah																																								
10. Kalam Air Panas	24. Agro Resort Sg. Semuji	37. Pantai Sepat																																								
11. Genting Highlands	25. Air Terjun Sg. Pandan	38. Pulau Tioman																																								
12. Bukit Tinggi	26. Masjid Persembongan Sg. Lembing	39. Empangan Jaleh																																								
13. Janda Baik	27. Gua Charah	40. Mossy Forest																																								

Sumber : Rancangan Struktur Negeri Pahang 2002-2020